

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk membantu golongan muda menguasai Bahasa Inggeris selari dengan keperluan semasa dan supaya negara kekal kompetitif terutama dalam bidang sains dan matematik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa sedar akan kepentingan bahasa Inggeris sebagai salah satu kemahiran yang perlu ada dalam diri murid dan mahasiswa terutama dalam era revolusi industri 4.0. Di peringkat sekolah, bagi menyokong pelaksanaan KSSM dan KSSR (semakan) tahun 2019 serta Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya ialah:

**1. Usaha Sama KPM dan Cambridge English (2016-2020)**

Melalui usaha sama ini pelbagai perubahan secara sistematik dan sistemik dilaksanakan terhadap pendidikan bahasa Inggeris. Salah satu daripada usaha ini melibatkan penajaran kurikulum Bahasa Inggeris, pentaksiran, latihan guru dan bahan sumber dijajarkan kepada piawaian antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Usaha Sama ini adalah berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Bahasa Inggeris yang

dikenali sebagai *The Roadmap for English Language Education in Malaysia 2015–2025*. Pelan ini memperincikan perubahan dalam pendidikan Bahasa Inggeris pada peringkat prasekolah sehingga universiti termasuk pendidikan guru.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Inggeris bagi prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah yang dijajarkan kepada CEFR telah menetapkan sasaran yang perlu dikuasai oleh murid. Berdasarkan sasaran tersebut, guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran bilik darjah yang bersesuaian mengikut kehendak DSKP dan tahap sasaran kurikulum (*curriculum target levels*).

**2. Inisiatif 107: Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025:**

Pelbagai program dan aktiviti pengukuhan bahasa Inggeris telah dirancang dan dilaksanakan selaras dengan the English Language Roadmap 2013-2025. Empat program utama di bawah Inisiatif Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris termasuk *Highly Immersive Programme* (HIP), *Dual Language Programme* (DLP), Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) dan *Profesional Up-skilling of English Language Teachers* (Pro-ELT).

Pada tahun 2019, KPM berusaha memantapkan lagi pelaksanaan HIP di sekolah bagi mengukuhkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui:

1. Program Bimbingan Bahasa Inggeris Sekolah di bawah HIP; dan
2. Program Gerak Jangkau Bahasa Inggeris di bawah HIP

Selain daripada itu, KPM dan universiti awam (UA) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan graduan:

1. Penawaran kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa tersebut.

Jumlah jam kredit serta jenis kursus yang ditawarkan kepada setiap pelajar adalah berdasarkan keputusan pelajar tersebut di dalam Malaysia University English Test (MUET) yang diambil sebelum memasuki universiti awam (UA);

2. Menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam sesi tutorial, pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan lain-lain sesi pembelajaran tidak formal;
3. Menawarkan kursus-kursus elektif bahasa Inggeris sebagai kursus pilihan untuk pelajar;
4. Menggalakkan pelajar lemah untuk mengikuti kursus jangka pendek/klinik bahasa semasa cuti semester; dan
5. Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum di dalam bahasa Inggeris seperti melaksanakan minggu/bulan bahasa Inggeris, English Language Camp serta beberapa program lain yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan pelajar dari masa ke semasa.

KPM juga telah memperkenalkan Malaysia English Assessment (MEA) untuk memperkasakan Ekosistem untuk Pembelajaran dan Pentaksiran Bahasa Inggeris di peringkat Pendidikan Tinggi. MEA merupakan satu ekosistem yang unik dan holistik di mana ia akan mengubah lanskap pembelajaran dan pengalaman pelajar dalam menguasai Bahasa Inggeris. Integrasi pembelajaran dan penilaian secara formal dan tidak formal mampu melahirkan graduan yang melalui pengajaran dan pembelajaran mengikut standard antarabangsa iaitu Common European Framework of Reference (CEFR) selepas tamat pengajian. Aspirasi ini mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan serta dapat memastikan graduan menepati keperluan industri.

UA turut memperkenalkan Pakej Pengukuhan Bahasa Inggeris yang seperti English Language Experience (ELEX) di UPM, Competency Based English Test (CBET) di UKM dan English Placement Test (EPT) di Universiti Islam Antarabangsa (UAIM) untuk membantu memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar. Manakala Rangkaian Kolej Universiti Teknikal Malaysia/ Malaysia Technical

University Network atau dikenali sebagai MTUN yang mengkhususkan pembelajaran bidang teknikal sememangnya menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara dalam pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti berkaitan akademik termasuk pengajaran bagi program berkaitan sains atau matematik. Pada masa yang sama UA juga melaksanakan pelbagai intervensi bagi meningkatkan tahap kompetensi Bahasa Inggeris pelajar.

KPM melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), komited dalam memastikan kemampuan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar politeknik dan kolej komuniti melalui *English Direction for Polytechnic and Community Colleges (2019-2023)*. Beberapa langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Kurikulum Bahasa Inggeris yang memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti. Di antara kursus yang ditawarkan ialah *Communicative English, Technical English, Maritime English* dan *Workplace English*.
2. Penglibatan industri yang aktif dan berterusan. Pihak industri terlibat dalam penggubalan kurikulum Bahasa Inggeris supaya hasil pembelajaran kurikulum sentiasa relevan dengan keperluan industri. Kurikulum Bahasa Inggeris di Politeknik dan Kolej Komuniti juga melibatkan pihak industri dalam proses semak semula yang dilaksanakan mengikut kohort ambilan pelajar. Industri juga dilibatkan dalam memberi pendedahan industri dalam kursus Bahasa Inggeris seperti *Job Hunting Skills*.

Kurikulum Politeknik dan Kolej Komuniti adalah bersifat responsif terhadap kehendak industri sebagai pemegang taruh supaya graduan yang dilahirkan adalah kompetitif dan relevan.

Sekian, terima kasih.